

JAWATAN KOSONG



MAJLIS PERBANDARAN KULIM

Permohonan-permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia untuk memenuhi jawatan seperti berikut:- (Keutamaan adalah calon yang dilahirkan dan menetap di Negeri Kedah).

NAMA JAWATAN	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)
Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan	MAJLIS PERBANDARAN KULIM
Kumpulan Perkhidmatan	PELAKSANA
Klasifikasi Perkhidmatan	PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
Gred Jawatan	N19
Jumlah kekosongan	EMPAT (4)
Jadual Gaji	RM 1,352.00 – RM 4,003.00
Taraf Jawatan	KONTRAK

SYARAT-SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a. warganegara Malaysia;
 - b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - c. Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
 - d.
 - i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan pada Gred N19 : RM1,352.00) atau
 - ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan pada Gred N19 : RM1,408.40) atau
 - iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan pada Gred N19 : RM1,464.80)

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN (PSL)

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 tertakluk kepada kekosongan jawatan dan memenuhi syarat berikut:

- a. Telah disahkan dalam perkhidmatan; dan
- b. Mempunyai kelayakan di perkara 1 (d) di atas atau lulus Peperiksaan Khas; dan
- c. Had umur pelantikan:
 - i. Berumur kurang daripada 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - ii. Berumur kurang daripada 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - iii. Berumur kurang daripada 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).

Lain-lain tugas yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.

CARA MEMOHON

- 1) Semua borang permohonan boleh dimuat turun melalui laman Portal MPKK <http://www.inpkk.gov.my/quest/e-borang>
- 2) Permohonan daripada Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah mengemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab 'A' 21 dan pastikan Laporan Prestasi tahunan terkini disertakan.

3) Setiap permohonan hendaklah disertakan perkara-perkara berikut:-

- | | | |
|----|------------------------------------|--------------------|
| a) | 2 keping gambar berukuran passport | |
| b) | Salinan Sijil Kelahiran | } Tidak perlu |
| c) | Salinan Kad Pengenalan | } disahkan salinan |
| d) | Salinan Sijil Peperiksaan | } sebenar |
| e) | Lain-lain Sijil yang berkaitan | } |

- 4) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 25 sm x 32 sm. Di sudut atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis jawatan yang dipohon.
- 5) Permohonan yang tidak lengkap, tidak jelas dan tidak mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan akan **DITOLAK**. Permohonan hendaklah sampai di alamat seperti berikut:-

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KULIM
NO. 1, LEBUH BANDAR 2
BANDAR PUTRA
09000 KULIM, KEDAH DARUL AMAN
(u.p: Bahagian Sumber Manusia)**

6) Tarikh Tutup Permohonan: **12 NOVEMBER 2020**

CATATAN AM

- i. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga
- ii. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.